



**GARIS PANDUAN PERMIT SEMENTARA BAGI PUSAT
 PENYEMBELIHAN DAN PEMPROSESAN AYAM, ITIK DAN LAIN-
 LAIN UNGGAS SKALA KECIL DI KAWASAN PENTADBIRAN
 MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**
(Pindaan 2020)

(Diluluskan oleh Majlis Penuh Bil 548 (2/2020) pada 20.02.2020)

GARISPANDUAN PERMIT BANGUNAN SEMENTARA BAGI PUSAT PENYEMBELIHAN DAN PEMPROSESAN AYAM, ITIK DAN LAIN-LAIN UNGGAS SKALA KECIL DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

1. Tujuan

1.1 Garispanduan ini diwujudkan bertujuan membolehkan kelulusan permit bangunan sementara diberikan kepada Bangunan Pusat Penyembelihan dan Pemerosesan Ayam berskala Kecil di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai.

2. Syarat-syarat teknikal;

2.1 Berserta syarat-syarat berikut:

ASPEK	SYARAT
Kapasiti & Keluasan	<ul style="list-style-type: none"> i. kapasiti pengeluaran/penyembelihan sehari kurang daripada 500 ekor. ii. Keluasan bangunan tidak melebihi 1000 kaki persegi (building footprint)
Zonning	Pertanian dan kampung
Lokasi bangunan / zon penampnan	<ul style="list-style-type: none"> i. Kurang 20 kaki / 6 meter dari sempadan lot hendaklah mendapat kebenaran lot berjiran. ii. Jarak minimum ruang kelegaan yang dibenarkan adalah 2m.
Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> i. Bangunan hendaklah berpagar di sekeliling premis ii. Premis berada dalam keadaan bersih iii. Mempunyai ruangan pemungahan iv. Ruang Penyembelihan hendaklah berasingan dengan ruang penyimpanan hasil sembelihan v. Dibenarkan untuk premis 1 tingkat sahaja.
Pengudaraan dan Pencahayaan	Mempunyai pencahayaan yang mencukupi Mempunyai sistem pengudaraan yang baik samada semulajadi atau mekanikal.
Sistem Pengurusan air cucian, darah dan bendalir badan	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai sistem perparitan, mengasingkan parit pengumpulan air hujan dan parit sisa ayam.

	<ul style="list-style-type: none"> ii. Mempunyai kolam/tangki rawatan dan memastikan nilai (BOD) bawah 50ppm(Lampiran B)
Sistem Pengurusan Sisa Buangan	<ul style="list-style-type: none"> i. Menyediakan tong sampah saiz bersesuaian. ii. Diurus sendiri oleh pengusaha iii. Sisa buangan dilupuskan di tempat yang diluluskan oleh MBSP
Pemilikan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> i. Sekiranya permohonan di atas tanah yang disewa/dipajak, kebenaran tuan tanah hendaklah diperolehi terlebih dahulu.
Kerja Tanah	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengecualian kerja tanah dibenarkan bagi premis yang tidak melebihi 10,000kp
Pencegahan Kebakaran	Mempunyai alat bantu mula dan pencegah kebakaran yang bersesuaian
Rujukan Jabatan Teknikal	<ul style="list-style-type: none"> i. Jabatan Bangunan ii. Jabatan Kejuruteraan iii. Jabatan Pelesenan iv. Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Tempoh Kelulusan	<ul style="list-style-type: none"> i. Kelulusan diberikan bersama permit untuk tempoh 1 tahun ii. Permit hendaklah diperbaharui pada Januari setiap tahun. iii. Majlis berhak membatalkan kelulusan yang diberi sekiranya terdapat kacau ganggu, apa-apa yang merisikokan orang awam / alam sekitar atau syarat-syarat kelulusan gagal dipatuhi. iv. Majlis berhak membatalkan kelulusan yang diberi sekiranya terdapat proses bagi pengambilan tanah yang melibatkan tanah yang wujudnya bangunan diberi kelulusan permit sementara. v. Pemohon akan disyaratkan meruntuh sendiri binaan apabila tempoh kelulusan yang diberikan telah tamat tempoh atau dibatalkan oleh Majlis serta memulihkan semula tanah kepada keadaan asal
Bayaran Proses	
a) Pelan Bangunan	Jadual 1 UKBS
b) Permohonan Lesen Premis dan iklan	Bergantung keluasan premis perniagaan.

2.2 Pemohon dikehendaki mendapatkan lesen perniagaan MBSP sebelum memulakan operasi.

2.3 Pemohon digalakkan untuk merujuk dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam **Manual Pengurusan Pusat Penyembelihan dan Pemerosesan Ayam berskala Kecil dan Sederhana** oleh Jabatan Veterinar

3. Kaedah Permohonan

3.1 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada MBSP melalui OSC oleh Pemunya bangunan atau pemilik tanah yang sah.

3.2 Kelulusan akan diberikan dalam tempoh 37 hari.

3.3 //1Dokumen yang perlu dikemukakan;

3.3.1 Borang permohonan asal berserta pelan latar lengkap bersama ukuran binaan kedai makan di tapak.

3.3.2 Surat aku Janji Pemunya Bangunan / Tanah atau Penyewa Tanah yang sah.

3.3.3 Borang pengesahan zoning / pelingkungan oleh Jabatan Perancang MBSP.

3.3.4 Salinan gambar keadaan asal tapak 4 sisi hendaklah dilekatkan dalam kertas A4 berserta lokasi tapak.

3.3.5 Salinan Geran tanah/carian rasmi


3.3.6 .Menjelaskan bayaran seperti berikut:

	(RM)
Bayaran Fee	RM14.00 bagi setiap 9 meter persegi atau sebahagianya tertakluk kepada minimum sebanyak RM 140.00
Permit Perletakan bahan binaan	250
Permit Pelupusan sisa binaan	100
Wang cagarang pelan bangunan	750
wang cagarang kebersihan	250
Bayaran Permit	RM10.00 bagi setiap 9 meter persegi setahun dengan caj minimum sebanyak RM100 bagi satu permit yang boleh diperbaharui pada Januari setiap tahun.

4.0 Wang Cagaran


- i. Wang Cagaran akan dikembalikan semula apabila:
 - a) Binaan disiapkan mengikut pelan lakar dan garis panduan.
 - b) Pemilik membersihkan semua sisa dan bahan binaan dari tapak.
 - c) Resit asal wang cagaran pelan bangunan, resit asal wang cagaran kebersihan dan resit asal permit pelupusan sisa binaan yang telah disahkan oleh Pegawai Kesihatan Awam di tapak pelupusan sampah MBSP mesti diserahkan semula kepada MBSP.
- ii. Wang cagaran tidak akan dikembalikan sekiranya:
 - a) Binaan yang tidak mengikut pelan lakar dan garis panduan.
 - b) Tapak tidak teratur dan bersih termasuk longkang .
 - c) Sisa bahan binaan masih tidak dikemaskan.
 - d) Bahan binaan berada dalam keadaan tidak teratur dan mengganggu sistem saliran sedia ada, lalu lintas dan kacau ganggu kepada kejiranan sekeliling.
 - e) Perangkap minyak tidak disediakan sebelum air dilepaskan ke parit awam.
 - f) Resit asal wang cagaran pelan bangunan, resit awal wang cagaran kebersihan dan resit asal permit pelupusan sisa binaan yang telah disahkan oleh Pegawai Kesihatan Awam di tapak pelupusan sampah MBSP tidak dikemukakan.
 - g) Pemilik membatalkan sendiri permohonan
 - h) Pelan permit telah tamat tempoh 1 tahun dan binaan masih belum disiapkan.

LAMPIRAN B




Sumber Manual Pengurusan Premis Penyembelihan dan Pemerosesan Ayam Berskala Kecil dan Sederhana, Jab Perkhidmatan Veterinar

CADANGAN/CONTOH : PELAN/LAYOUT BANGUNAN PREMIS PENYEMBELIHAN DAN PEMEROSESAN DAGING AYAM



Sumber Manual Pengurusan Premis Penyembelihan dan Pemerosesan Ayam Berskala Kecil dan Sederhana, Jab Perkhidmatan Veterinar

LAMPIRAN D



Sumber Manual Pengurusan Premis Penyembelihan dan Pemerosesan Ayam Berskala Kecil dan Sederhana, Jab Perkhidmatan Veterinar